


JUMPAAT

**ExxonMobil taja RM30,000**  
**jayakan kuiz alam semula jadi**



FISHER (tengah) menyerahkan replika cek RM30,000 kepada Dr Mohd Zohadie (kiri) sambil diperhatikan Dr Mohd Hamami di Fakulti Perhutanan, UPM Serdang, semalam - Gambar oleh Afendi Mohamed



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

SUBSIDIARI-subsiadiari Exxon-Mobil di Malaysia menyumbang RM30,000 bagi menaja Kuiz Sains Alam Semula Jadi (KSAS) 2004 anjuran bersama Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran dan *Berita Harian Sdn Bhd* (BHSB) menerusi akhbar sisipan *SKOR*.

Sumbangan penajaan kuiz ke-26 itu disampaikan Pengerusi Subsidiari-subsiadiari ExxonMobil di Malaysia, Rob Fisher kepada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie di Fakulti Perhutanan, UPM Serdang, semalam.

Hadir sama, Dekan Fakulti Perhutanan, Prof Dr Mohd Hamami Sahri; Penolong Pengarah (Kokurikulum), Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran, Zainudin Abas dan Pengarang Pendidikan, BHSB, Ibrahim Saad.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohd Zohadie berkata, kuiz yang dianjurkan Fakulti Perhutanan sejak 26 tahun itu kini menjadi program popular di kalangan pelajar sekolah menengah.

"Ini terbukti apabila seramai 4,182 pelajar daripada 1,394 sekolah menyertai peringkat awal yang diadakan secara bertulis serentak di seluruh negara pada 27 Mac lalu. Jumlah itu meningkat berbanding 4,000 pelajar dari 1,217 sekolah tahun lalu.

"Menerusi kuiz ini, generasi muda semakin sedar mengenai kepentingan alam sekitar sebagai aset utama dalam mewujudkan kehidupan seharian yang lebih berkualiti pada masa depan," katanya.

Sekolah yang memenangi pertandingan peringkat awal akan mewakili negeri masing-masing ke peringkat zon yang akan diadakan di Sabah bagi Zon 1, Perlis (Zon 2), Selangor (Zon 3) dan Pahang (Zon 4)

pada 22 Mei ini.

Bagi Zon 1, sekolah terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bintulu yang mewakili Sarawak, SM Sains Labuan (Labuan) dan SMK Konven St Ursula (Sabah).

Zon 2 disertai SMK Perlis yang menewaskan juara bertahan SMK Derma mewakili Perlis, SM Sains Sultan Mohd Jiwa, Sungai Petani (Kedah), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Perempuan Cina (Pulau Pinang) dan Maktab Rendah Sains Mara, Taiping (Perak).

Zon 3, SMK Damansara Jaya (Selangor), SMK St John (Kuala Lumpur) Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu (Negeri Sembilan), manakala Zon 4, SMK Agama Sheikh Abdul Malek, SMK Bukit Mendi (Pahang), SMK Agama Falahiah (Kelantan) dan Sekolah Tinggi Muar (Johor).

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Induk KSAS 2004, Dr Khamurudin Mohd Noor berkata, keputusan sekolah yang mewakili zon ke pertandingan peringkat kebangsaan di D'Village, Ayer Keroh, Melaka pada 25 Julai depan, akan diumumkan 2 Jun ini.

Katanya, soalan peringkat kebangsaan digubal berpandukan lima kategori iaitu tema menyumbang 50 peratus soalan, alam sekitar (15 peratus), biologi asas (15 peratus), ekologi (10 peratus) dan hasil hutan (10 peratus).

Beliau berkata, bentuk pemberian soalan dibuat dalam empat kategori iaitu menyediakan soalan tuju bagi setiap peserta, soalan siapa cepat dia dapat, soalan ganda markah

anda dan soalan cepumas.

“Pemenang pertama kuiz itu akan membawa pulang piala pusingan, perisai replika, wang tunai RM150 setiap peserta dan sijil penyertaan,” katanya.

Tempat kedua menerima RM100 setiap peserta, ketiga (RM75) dan sagu hati (RM50), selain perisai replika dan sijil penyertaan.

Hadiah cepumas kepada sekolah juga diberi mengikut wang tunai terkumpul berdasarkan jumlah kutipan markah setiap pasukan pada peringkat kebangsaan.

Kuiz ini juga disiarkan dalam SKOR, menawarkan hadiah RM300 seorang bagi tiga pemenang utama, selain berpeluang menyaksikan pertandingan peringkat kebangsaan.

## KUIZ SAINS ALAM SEMULA JADI 2004 PERINGKAT ZON

NEGERI	NAMA SEKOLAH
<b>Zon 1</b>	
Sarawak	SMK Bandar Bintulu
Labuan	SM Sains Labuan
Sabah	SMK Konven St Ursula
<b>Zon 2</b>	
Perlis	SMK Perlis
Kedah	SM Sains Sultan Mohd Jiwa 08000 Sg. Petani
Pulau Pinang	SMJK Perempuan Cina
Perak	MRSM Taiping
<b>Zon 3</b>	
Selangor	SMK Damansara Jaya
Kuala Lumpur	SMK St John
Melaka	MRSM Jasin
Negeri Sembilan	SMAP Labu
<b>Zon 4</b>	
Terengganu	SMKA Sheikh Abdul Malek
Pahang	SMK Bukit Mendi
Kelantan	SMKA Falahiah
Johor	Sekolah Tinggi Muar